

Alam Wanita

Perkahwinan Dapat Menolong Atau Menghalang Kehidupan Beragama

Perkahwinan adalah menempati kedudukan yang penting dalam kehidupan manusia, dari itu perkahwinan adalah penting dipelajari dari segala segi dan masalahnya, kerana dia dapat mempengaruhi kehidupan beragama — dipandang dari dua jurusan apakah dia membawa manfaat (keuntungan) ataupun mudarat (kerugian)

(Oleh: Haji Munawwar Khalil)

Dalam hubungan ini Allah ada menyatakan dengan firman-Nya yang berbunyi *wa mā khalaqtu al-jinna wa al-insa illā li ya 'budūn* ertinya: “Tiadalah Aku jadikan jin dan manusia, melainkan supaya mereka menyembah Aku”.

Keuntungan pertama yang sangat besar sekali dalam perkahwinan itu, ialah menambah jumlah manusia yang mengabdikan kepada Allah *Subhānahu wa Ta'ālā*, itulah sebabnya para ulama meletakkan masalah perkahwinan itu pada tingkatan yang utama, kerana nyatalah lebih besar pahalanya daripada mengerjakan perkara-perkara *nawāfil* (yang sunat-sunat).

Faedah lainnya ialah sebagai yang dinyatakan oleh Nabi (S.A.W) yang maksudnya: “Bahawa anak-anak yang soleh akan memberi manfaat bagi orang tuanya di kelak kemudian hari sesudah matinya. Anak-anak yang seperti itu jika mati terlebih dahulu dia akan jadi pengantara bagi mereka di hari akhirat. Apabila seseorang anak diberitahu, bahawa dia akan dimasukkan syurga, maka dia akan menangis dan mengatakan, saya tidak mahu masuk syurga kalau tidak dengan ibu bapa saya.

Pada suatu hari Rasulullah (S.A.W) membebaskan

beberapa budak belian dari genggamannya seorang saudagar dan ditariknya kuat-kuat saudagar itu seraya katanya: “Sekarang ini pun anak-anak, demikian akan menarik orang tua mereka ke dalam syurga.”

Hal ini ada pertaliannya dengan seorang wali yang masih membujang (tak beristeri). Diceritakan, bahawa beliau pada suatu malam telah bermimpi, iaitu hari kiamat telah tiba, matahari telah mendekati bumi dan manusia hancur binasa kepanasan dan kehausan. Serombongan anak-anak yang soleh berduyun-duyun menuju kepada manusia-manusia yang kehausan itu dan memberi pertolongan dengan menuangkan air minuman dari bejana-bejana emas dan perak. Tetapi sewaktu wali itu meminta air minuman kepada mereka maka permintaannya itu mereka tolak, dan seorang anak di antara mereka telah berkata kepadanya: “Di antara kami di sini tidak ada anakmu.” Setelah wali itu terjaga dari mimpinya segeralah ia bersiap-siap untuk menjalani perkahwinan.

Untung Perkahwinan

Faedah atau keuntungan yang lain dari perkahwinan

ini ialah, bahawa dengan berkumpulnya suami isteri duduk bersama-sama merupakan suatu cara beristirahat yang dapat memberi kesegaran fikiran sehabis bekerja berat. Sehabis istirahat ini dapat kembali kepada tugas kewajibannya dalam berbakti dengan semangat yang baharu. Pernah Rasulullah (S.A.W) sendiri bila telah menerima tekanan wahyu yang turun ke atasnya dengan begitu berat, maka untuk meringankan rasa beban yang baru diterimanya itu lalu baginda menghampiri isterinya 'Ā'ishah dan bersabdalah kepadanya: "Bercakap-cakaplah wahai 'Ā'ishah! Wahai 'Ā'ishah bercakap-cakaplah kepadaku!"

Baginda berbuat yang demikian iaitu dengan mengajak beramah-ramahan dengan isterinya itu tujuannya supaya mendapatkan kembali tenaga baru untuk membantu menyegarkan kesan-kesan wahyu-wahyu yang diterimanya itu. Dan untuk alasan yang sama, maka baginda menyuruh tukang bangnya (bilal) memanggil orang bersembahyang, dan kadang-kadang baginda memakai harum-haruman. Baginda telah menyabdakannya dalam hadith yang masyhur yang ertinya: "Tiga perkara yang saya sukai di dunia ini; harum-haruman, isteri dan kesegaran dalam beribadah."

Pada suatu kesempatan, Saiyidina 'Umar bin al-Khattāb telah bertanya kepada Rasulullah (S.A.W): "Perkara-perkara apakah yang paling utama dituntut di dunia ini?" Jawab baginda: "Lidah yang selalu mengucap zikir kepada Allah, hati yang bersyukur dan isteri yang dipercayai."

Faedah-faedah selanjutnya dari perkahwinan ini ialah, bahawa di dalamnya ada orang yang akan memelihara rumah, memasak makanan, mencuci pinggan-pinggan, membersihkan dan mengurus rumah tangga pada umumnya. Kalau seorang lelaki sibuk sahaja dengan pekerjaan-pekerjaan seperti di atas maka ia tidak sempat memperoleh ilmu, atau memajukan perniagaannya, atau mengerjakan amal ibadah yang selayaknya. Oleh kerana alasan-alasan itulah Abū Sulaymān berkata: "Isteri yang baik bukanlah hanya dapat memberi kebahagiaan untuk dunia

sahaja, tetapi juga untuk di akhirat, kerana dia memberi keluasan kepada suaminya untuk memikirkan hari akhirat." Dan salah satu ucapan Saiyidina 'Umar: "Tidak ada satu perkataan yang sama sesudah iman, melainkan isteri yang baik."

Lain daripada suatu perkara yang baik, perkahwinan itu pula membawa kesabaran bagi wanita dalam kesukarannya serta dapat memperlengkapi berbagai kepentingan yang diperlukan oleh kaum isteri, menempatkan mereka di jalan yang halal lagi sah mengikut agama yang merupakan bahagian terpenting di dalam agama. Sabda Rasulullah (S.A.W) yang maksudnya: "Memberi nafkah kepada isteri lebih penting daripada memberi sedekah."

Pada suatu ketika tatkala Ibn al-Mubārak berjanji untuk ikut serta dalam peperangan melawan kaum Musyrikin, salah seorang temannya bertanya kepadanya: "Apakah ada perbuatan lain yang nilainya lebih berharga daripada perang untuk agama?" Dijawabnya: "Ada! Iaitu memberi makan, pakaian yang selengkapnya kepada anak-anak dan isteri."

Seorang wali yang ternama pernah berkata: "Seorang lelaki lebih baik bekerja untuk anak-anak dan isterinya, daripada dia bekerja hanya untuk dirinya."

Di dalam beberapa hadith banyak yang menerangkan, bahawa sesuatu dosa dapat ditebus melalui berbagai kesukaran yang disandarkan kepada kepentingan keluarga. Berkenaan dengan ini diriwayatkan, ada seorang wali yang telah ditinggal mati oleh isterinya, ia tidak ingin beristeri lagi, sekalipun orang telah mendesak kepadanya, tetapi ia selalu berkata; bahawa baginya membujang itu lebih baik kerana dapat memusatkan fikirannya di dalam ketenangan beribadah. Pada suatu malam beliau bermimpi syurga terbuka dan sejumlah malaikat turun. Malaikat-malaikat itu lalu mendekati dan memandang kepadanya, satu di antaranya berkata: "Apakah ini orang

yang celaka yang hanya mementingkan diri sendiri?”

Malaikat-malaikat lainnya menjawab: “Ya, inilah dia.” Maka wali itu pun terperanjatlah bertanya-tanya siapakah yang dimaksudkan oleh mereka itu? Tiba-tiba seorang kanak-kanak lelaki melintas di hadapannya sambil mengatakan: “Mereka mengatakan itu ditujukan kepadamu, hanya sampai satu minggu perbuatan-perbuatanmu itu masih tercatat di dalam syurga bersama-sama dengan wali-wali lainnya, tetapi kini mereka telah menghapuskan namamu dari daftar itu.” Setelah ia mendengar kata-kata kanak-kanak itu, wali itu pun terbangun, fikirannya sangat terganggu. Keesokan harinya diputuskannya untuk segera berkahwin.

Dari keterangan-keterangan di atas, maka teranglah bahawa perkahwinan itu adalah suatu hal yang sangat diperlukan.

Ruginya Perkahwinan

Sekarang mari kita perkatakan pula masalah yang bertalian dengan kesukaran-kesukaran dan kerugian-kerugian perkahwinan. Satu daripadanya ialah bahaya-bahaya, terutama di masa sekarang ini di mana seorang lelaki kadang-kadang berusaha mendapatkan nafkah pencariannya dengan jalan yang tidak sah (haram).

Rasulullah (S.A.W) pernah bersabda — yang maksudnya: “Bahawa pada hari kebangkitan, seseorang akan memikul seluruh perbuatan kebajikannya yang bergunung-gunung dibawanya ke hadapan disuruh berhenti di dekat “*Mīzān*” kemudian ia akan ditanya: “Dengan jalan apa engkau membantu keluargamu?” Maka dia tidak dapat memberi jawapan yang memuaskan. Jadi semua amalnya yang sebesar gunung itu akan dihapuskan dan segera dinyatakan: “Inilah orang yang mempunyai amal kebajikan, tetapi telah dibinasakan amal kebajikannya itu oleh keluarganya sendiri.”

Kesukaran-kesukaran lain di dalam perkahwinan itu ialah, bahawa keharusan untuk memperlakukan seseorang keluarga

yang penuh dengan keramah-tamahan dan kesabaran serta membawa perkara-perkara mereka ke dalam pancaran kegembiraan hanya dapat dilakukan oleh mereka yang mempunyai perangai akhlak yang baik. Lebih besar lagi bahayanya kalau seseorang memperlakukan keluarganya dengan kasar atau mengabaikan mereka, kerana dengan begitu akan dapat membawa dirinya kepada dosa. Rasulullah (S.A.W) pernah bersabda — yang maksudnya: “Barangsiapa, meninggalkan anak-anak serta isterinya, maka adalah ia seperti seorang budak yang melarikan dirinya. Sebelum ia kembali kepada mereka, maka ibadah sembahyang dan puasanya tidak akan diterima Allah.”

Singkatnya manusia itu mempunyai tabiat yang lebih rendah. Kalau dia belum dapat memeriksa tabiatnya yang rendah itu, maka lebih baik ia tidak memegang tanggungjawab menguasai diri orang lain. Dalam hubungan ini, pernah seorang bertanya kepada Wali Bashari mengapa dia tidak mahu kahwin? “Saya takut,” kata beliau, “kerana ada ayat-ayat Qur’an yang menyatakan; hak wanita terhadap lelaki sama, sebahagian hak lelaki terhadap wanita.”

Kerugian yang ketiga dalam perkahwinan ialah, di dalam asuhan terhadap keluarga sering menghalang-halangi orang daripada membulatkan fikirannya terhadap Allah dan terhadap masa kehidupan akhirat, kecuali kalau ia berhati-hati dapat memimpin dirinya untuk menghindarkan dari kebinasaan-kebinasaan itu, kerana Allah telah menyatakan dengan firman-Nya — yang maksudnya: “Janganlah engkau terlalai dari mengingat Allah tersebut oleh anak-anak dan isterimu.” Maka barangsiapa yang berpendapat, bahawa dengan tidak kahwin dia dapat memusatkan dirinya sendiri dalam menunaikan tugas agama, maka lebih baik ia membujang. Tetapi barangsiapa yang takut jatuh ke dalam dosa kerana tidak kahwin, maka baginya lebih baik kahwin.

(Bersambung)